NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**
TARIKH	:	**21 MAC 2016**
SOALAN	:	

YB. Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah Kementerian akan mewujudkan Jabatan Warisan Negara di Labuan bagi membantu mempromosikan khazanah sejarah yang banyak di sini kerana Labuan adalah destinasi utama pada zaman penjajahan kolonial hingga kini.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan belum bercadang untuk menubuhkan Jabatan Warisan Negara di Labuan. Ini adalah kerana promosi khazanah sejarah di Labuan telah sedia dilaksanakan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Labuan, Perbadanan Labuan serta Jabatan Muzium Malaysia yang menguruskan Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Chimney.

Setakat ini, perairan Labuan telah diwartakan sebagai zon yang dilindungi dan Stesen Penyegitigaan Timbalai telahpun diwartakan sebagai tapak warisan pada tahun 2012. Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Laut Labuan dan Perbadanan Labuan sentiasa berusaha untuk menilai tapak-tapak bersejarah dan mempunyai signifikan warisan untuk diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) bagi tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan.

Sekian, terima kasih.